



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang berkenaan bagi menyertai sebut harga berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN	HARGA
UiTMKPA/SH/3/23/19	CADANGAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN TAPAK SEMAIAN DI UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN (PANGGILAN SEMULA UiTMKPA/SH/3/22/19)	221002 DAN 221003 DAN 222102 ATAU 222104	RM 50.00

1. Dokumen Sebut Harga

Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **31/05/2019** di **UNIT PENGURUSAN PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.45 petang.

2. Lawatan Tapak/Taklimat bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada **11/06/2019 (SELASA) JAM 10.00 PAGI** BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT BAHAGIAN OPERASI BANGUNAN & INFRASTRUKTUR, PEJABAT PENGURUSAN FASILITI & ICT

3. Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. *Hanya Penama di dalam Perakuan Kementerian Kewangan (KKM) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.* Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :

1. Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
2. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
3. Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Sebut Harga yang dibuka ini

4. Dokumen Tawaran boleh dibeli **Selepas Taklimat Dan Lawatan Tapak** di Unit Pengurusan Perolehan, Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan pada waktu pejabat dengan menggunakan **Wang Tunai/Deraf Bank** atas nama BENDAHARI UiTM

5. Kontraktor-kontraktor perlu membawa bersama-sama **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika bertaraf bumiputera)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan semasa mengambil dokumen sebut harga.

6. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **UNIT PENGURUSAN PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.

7. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **18/06/2019 Jam 12.00 Tengahari.**